

Organisasi Maruthuvar Pulau Pinang dan Gerakan  
Anti-Kastanyo Dari Tahun 1926 - 1970

Oleh

Balasan dran A. Ramiah

No Matrik : 12333

Kursus : Kemousiaan & Pendidikan

Kajian Penyelidikan Untuk Memenuhi Keperluan

Kursus HSM 411/8 ;

Dokumen-dokumen Dalam Sejarah Malaysia

Sidang Akademik 1987/88

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

1988

## KANDUNGAN

Penghargaan	iii - iv
Pendahuluan	v - ix
Bahagian I : Amalan Kaste dan Gerakan Pembaharuan di India & Pulau Pinang 1919 - 1926	1 - 10
Bahagian II : Gerakan Anti Kasta 1926 - 1945	11 - 31
Bahagian III: Pengaruhnya Yang Lebih Luas 1946 - 1970	32 - 45
Kesimpulan	45 - 47
Lampiran	48 - 63
Bibliografi	63 - 128

PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan sekalung budi kepada pihak-pihak yang telah membantu saya dalam usaha membuat kajian ini.

Saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Dr. Cheah Boon Kheng, penyelia saya yang telah memberi bimbingan dan tunjukajar yang membina kepada saya semasa membuat kajian ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada Dr. R. Suntharalingam kerana sudi meminjam buku-buku serta memberi nasihat kepada saya semasa membuat kajian ini. Selain itu terima kasih diucapkan kepada pensyarah-pensyarah lain di Bahagian Sejarah yang telah membantu saya mendapatkan kebenaran untuk membuat kajian ini.

Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada pihak Organisasi Maruthuvar Pulau Pinang yang sudi membantu saya membuat penyelidikan terhadap organisasi mereka. Terima kasih diucapkan kepada Encik Sonamuthu yang membantu saya dengan meminjamkan banyak bahan-bahan rujukan yang penting.

Terima kasih juga diucapkan kepada Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, yang telah membenarkan saya menggunakan bahan-bahan yang terdapat dalam koleksinya.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah melapangkan masa untuk ditemubual serta memberikan bahan dan maklumat yang penting bagi kajian ini.

BALASANDRAN A. RAMIAH  
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN DGN. PENDIDIKAN,  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA,  
PULAU PINANG.  
1988.

## PENDAHULUAN

Ornganisasi Maruthuvar Pulau Pinang merupakan salah satu organisasi yang tertua di Pulau Pinang yang telah ditubuhkan pada tahun 1926 untuk menentang amalan kasta<sup>(1)</sup> di sini. Di Malaysia, ia merupakan salah satu organisasi yang pertama sekali ditubuhkan dengan menggunakan nama kasta.

Sistem kasta adalah merupakan satu sistem sosial yang terdapat di kalangan masyarakat India. Terdapat empat peringkat kasta (varna) iaitu Brahmin, Kshatriya, Vaisya dan Sudra.<sup>(2)</sup> Di India Selatan dan juga Malaysia sistem ini bercorak tiga peringkat sahaja iaitu Brahmin, bukan Brahmin dan Adi Dravidiar (Golongan yang tidak boleh disentuh yang terdiri dari kasta Paraiyar, Pallar dan Chakkiliyar).

Golongan Brahmin memegang status yang tinggi sebagai sami-sami di kuil dan menjalankan segala urusan keagamaan. Golongan bukan Brahmin pula terdiri dari mereka yang menjalankan pekerjaan seperti pertanian, penternakan dan perniagaan. Di dalam golongan ini terdapat beberapa golongan kasta yang mengendalikan pekerjaan-pekerjaan perkhidmatan seperti mengunting rambut (kasta Ambattar)<sup>(3)</sup> dan mencuci kain (vanar). Mereka yang berasal dari kasta-kasta ini memegang status yang rendah di kalangan golongan Brahmin dan golongan bukan Brahmin itu sendiri.